

# Najib sahut cabaran debat isu selamat Sapura Energy

Bekas PM minta pasukan Anwar, Rafizi atur dengan media jika mahu siar secara langsung

**Oleh Rohaniza Idris dan Suzalina Halid**  
bhnews @bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak, bersetuju untuk berdebat dengan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai usaha menyelamatkan syarikat perkhidmatan medan minyak bersepadu Malaysia, Sapura Energy Bhd (Sapura Energy).

Menerusi hantaran di media sosial, bekas Perdana Menteri itu menyatakan sudah meminta pasukan Anwar dan bekas Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli, menngaturkan dengan media jika berhasrat menyiarkan perdebatan itu secara langsung.

*"Game on. Saya setuju debat dengan Anwar. Let's rock'.*

*"Sila berhubung dengan pembantu saya untuk cari tarikh terdekat yang sesuai bagi semua,"* katanya dalam entri berkenaan.

Sebelum ini, Rafizi yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden PKR, mencabar Najib untuk berdebat berhubung isu Sapura Energy.

Najib menyahut cabaran debat terbuka itu, namun mahu Rafizi mengajak Anwar untuk bersama berdebat dengannya.

Najib turut membangkitkan kenyataan Anwar berhubung debat itu yang seolah-olah memperlihatkan Rafizi menipunya apabila memberi taklimat berhubung isu terbabit.

*"Mula-mula cabar untuk debat ialah Rafizi sehari dua sebelum Ramadan bermula.*

*"Saya cuma sahut dan saya sudah menjawab semua sanggahan Rafizi setiap kali dia naikkan (bangkitkan isu).*

*"Setakat ini, Rafizi cuma buat posting tiga kali berhubung isu ini,"* katanya.

Najib menjelaskan, ketiga-tiga sanggahan Rafizi sudah dijawab berserta fakta dan bukti.

Sementara itu, Anwar yang juga Ketua Pembangkang, bersedia berdebat dengan Najib pada bila-bila masa.

*"Saya bersedia berdepan dan berdebat demi negara dan rakyat pada bila-bila masa dengan Datuk Seri Najib Razak,"* katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Anwar berkata, kesediaannya berdebat dengan Najib bermula sejak 10 tahun lalu apabila pernah melontarkan cabaran sama tetapi tidak disahut Pengerusi Lembaga Penasihat Barisan Nasional (BN) itu.

Sebelum ini, Sapura Energy mengalami peningkatan kerugian bersih untuk tahun kewangan berakhir 31 Januari lalu kepada RM8.9 bilion berbanding jumlah RM160.87 juta yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun sebelum ini.

Perolehan merosot kepada RM4.13 bilion daripada RM5.35 bilion disebabkan peratusan siap yang lebih rendah yang diiktiraf pada tahun semasa, berikutan pengiktirafan kerugian yang boleh dijangka termasuk lonjakan kos projek dalam segmen perniagaan kejuruteraan dan pembinaan (E&C).